

KULIAH ZOHOR

“Membina Optimisme Dalam Berdakwah”

Masjid Maarof | 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

عَنْ خَبَابِ بْنِ الْأَرْتِّ، قَالَ شَكَوْنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَهُوَ مُتَوَسِّدٌ بِرِدَّةٍ لَهُ فِي ظِلِّ الْكَعْبَةِ، قُلْنَا لَهُ أَلَا تَسْتَنْصِرُ لَنَا أَلَا تَدْعُو اللَّهَ لَنَا
قَالَ " كَانَ الرَّجُلُ فِيمَنْ قَبْلَكُمْ يُحْفَرُ لَهُ فِي الْأَرْضِ فَيُجْعَلُ فِيهِ، فَيَجَاءُ
بِالْمِنْشَارِ، فَيُوضَعُ عَلَى رَأْسِهِ فَيُشَقُّ بِاِثْنَتَيْنِ، وَمَا يَصُدُّهُ ذَلِكَ عَنْ دِينِهِ،
وَيُمْسَطُ بِأَمْشَاطِ الْحَدِيدِ، مَا دُونَ لَحْمِهِ مِنْ عَظْمٍ أَوْ عَصَبٍ، وَمَا يَصُدُّهُ
ذَلِكَ عَنْ دِينِهِ، وَاللَّهُ لَيُتِمَّنَّ هَذَا الْأَمْرَ حَتَّى يَسِيرَ الرَّكِابُ مِنْ صَنْعَاءَ إِلَى
حَضْرَمَوْتٍ، لَا يَخَافُ إِلَّا اللَّهَ أَوْ الذِّئْبَ عَلَى غَنَمِهِ، وَلَكِنَّكُمْ تَسْتَعْجِلُونَ "

Terjemahan Hadith

- Khabbab b. Al-Arat r.a berkata: Kami telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu beliau sedang berbaring dengan beralaskan selendangnya di bawah bayang-bayang Ka'bah. Kami berkata: Mengapakah tidak tuan mohon bantuan dari Allah untuk kami? Mengapakah tidak tuan mohon doa kepada Allah untuk kami? Rasulullah s.a.w bersabda: Lelaki [yang beriman] sebelum kamu telah [disiksa dengan] ditanam. Lalu dibawa ke atas kepalanya gergaji sehingga badannya terbelah dua. Namun ia tidak sedikit pun menghalangnya dari agama. Ada pula yang [disiksa dengan] sikat besi sehingga tidak tinggal daging pada tubuhnya kecuali tulang-tulang.....

-Namun ia tidak menghalangnya dari agama. Demi Allah! Dia akan menyempurnakan urusan ini sehingga seorang penunggang kendaraan dapat mengembara dari San`aa ke Hadramaut tanpa takut kepada apa-apa kecuali Allah sahaja atau serigala ke atas gembalaanya. Sesungguhnya kamu terlalu gopoh. (Riwayat Al-Bukhari)

Matn (Teks) Hadith

عن عبد الله بن عمرو ، قال : لما أمر رسول الله صلى الله عليه وسلم بالخندق فخندق على المدينة قالوا : يا رسول الله ، إنا وجدنا صفاة لا نستطيع حفرها ، فقام النبي صلى الله عليه وسلم ، وقمنا معه فلما أتاها أخذ المعول ، فضرب به ضربة وكبر ، فسمعت هدة لم أسمع مثلها قط ، فقال : " فتحت فارس " ثم ضرب أخرى فكبر ، فسمعت هدة لم أسمع مثلها قط ، فقال : " فتحت الروم "

Terjemahan Hadith

- Abdullah b. `Amr r.a berkata Rasulullah s.a.w telah memerintahkan penggalian parit. Maka parit pun digali disekitar Madinah. Para sahabat lalu berkata: Wahai Rasulullah, kami dapati sepotong tanah yang tidak mampu untuk kami gali. Nabi s.a.w lalu bangkit dan kami pun pergi bersamanya. Apabila beliau tiba ditempat itu, dia mengambil tukul lalu memukul di tanah itu dengan satu pukulan sambil bertakbir. Lalu terdengar satu dentuman yang aku tidak pernah dengar yang seumpamanya sebelum ini. Beliau lalu berkata: Kerajaan Parsi akan ditawan. Kemudian dia memukul yang lain sambil bertakbir sehingga terdengar dentuman yang aku tidak pernah dengar yang seumpamanya sebelum ini. Beliau lalu berkata: Kerajaan Rom akan ditawan. (Riwayat Al-Tabrani)

Pengajaran Hadith

1. Satu aspek dari kepimpinan dan dakwah
 - menanam optimisme dalam diri akan masa depan yang lebih baik selama mana sabar dengan usaha yang dilakukan.
2. Membangkitkan semangat kerja dalam diri dengan melakukan tasywiq
 - menanam kerinduan terhadap janji-janji Allah taala
 - lahir motivasi dan komitmen untuk berusaha sehingga seseorang berharap agar janji itu berlaku melalui usahanya atau usaha kerasnya membolehkan ia melihat janji berkenaan tercapai dalam hayatnya.

3. Allah taala telah berjanji kepada Rasulullah s.a.w kemenangan dan Dia telah menunaikannya
 - Rasulullah s.a.w juga telah menyampaikan janji-janij Allah kepada para sahabatnya dan sejarah tunjuk kebenaran janji berkenaan
 - kesemua janji-janji itu ditujukan kepada kita
 - > Allah juga tidak akan mengingkari janji kepada kita selama mana kita berusaha menjejaki jejak RasulNya dalam kehidupan.

4. Sentiasa bangkitkan harapan dalam diri dan masyarakat
 - di sebalik kesusahan akan ada kejayaan
 - di sebalik halangan dan cabaran, ada peluang.

5. Jika pemimpin bersikap pesimis, pengikut dan masyarakat akan lebih pesimis lagi.
6. Pesimisme tidak semestinya tercela tetapi tidak sejajar dengan semangat yang wujud dalam banyak ajaran Islam.
7. Islam tidak suka sikap suka mengeluh dan merungut
 - merungut dan mengeluh akan menimbulkan tekanan dalam diri sendiri dan memberatkan beban yang sedia ada.
8. Yang wajib perlu ditunaikan, suka atau tidak
 - tunaikanlah ia dengan kegirangan
 - nikmatilah segala yang terdapat di dalamnya.

7. Asas pembinaan optimisme dan harapan
 - yakin akan janji Allah taala
 - kuat bersandar kepadaNya
 - bersabar dengan niat untuk mendapat ganjaranNya terhadap kesulitan yang menimpa.

KULIAH ZOHOR

“Menjauhi Israiliyat Dalam Berdakwah”

Masjid Maarof | 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَتَى النَّبِيَّ بِكِتَابٍ أَصَابَهُ مِنْ
بَعْضِ أَهْلِ الْكُتُبِ فَقَرَأَهُ النَّبِيُّ فَغَضِبَ فَقَالَ: أُمَّتَهُوْكَونَ فِيهَا يَا ابْنَ الْخَطَّابِ،
وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ جِئْتُكُمْ بِهَا بَيْضَاءَ نَفِيَّةٍ لَا تَسْأَلُوهُمْ عَنْ شَيْءٍ فَيُخْبِرُوكُمْ
بِحَقِّ فَتَكْذِبُوا بِهِ أَوْ بِبَاطِلٍ فَتَصَدِّقُوا بِهِ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَوْ أَنَّ مُوسَى كَانَ
حَيًّا مَا وَسِعَهُ إِلَّا أَنْ يَتَّبِعَنِي

Terjemahan Hadith

- Rasulullah s.a.w bersabda kepada Umar apabila melihatnya membaca kitab Injil

“Adakah kau termasuk orang-orang yang bingung dan ragu-ragu wahai anak Al-Khattab? Demi Tuhan yang diriku berada di tangannya. Sesungguhnya aku datang kepada kamu dengannya dalam keadaan putih bersih. Janganlah kamu tanya mereka tentang sesuatu pun. Ditakuti mereka itu menceritakan perkara yang hak tetapi kamu menuduhnya dusta atau pun mereka bercerita dengan cerita batil maka engkau membenarkan kata-katanya. Demi Tuhan yang mana diriku berada di dalam kekuasaanNya, sekiranya Nabi Musa masih hidup, pasti dia juga harus mengikutiku.” (Riwayat Ahmad)

Matn (Teks) Hadith

عن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قال:

"بلغوا عني ولو آية وحدثوا عن بني إسرائيل ولا حرج، ومن كذب علي متعمداً فليتبوأ مقعده من النار"

Terjemahan Hadith

- “Sampaikanlah dariku walau satu ayat, dan ceritakanlah tentang Bani Israil, tidak mengapa dan barangsiapa mendustakan terhadap diriku secara sengaja maka hendaklah dia disediakan tempat duduknya di dalam neraka.” (Riwayat Al-Bukhari)

Pengajaran Hadith

1. Cerita kekal mempunyai tarikan bagi masyarakat, baik di kalangan orang muda atau tua
 - Al-Quran menggunakan pelbagai cerita bagi menyampaikan pengajaran kepada manusia.
2. Dalam keghairahan untuk menarik hati masyarakat melalui bercerita, berhati-hati agar tidak menyebarkan cerita-cerita Israiliyat yang bercanggah dengan ajaran Islam dan bersifat bohong.

4. Selalu tidak disedari kerana sebahagian dari cerita-cerita itu sudah amat popular sehingga disangka benar dan wajar - sebahagian pula terdapat dalam kitab-kitab tafsir atau kisah-kisah nabi sehingga disangka sah.

5. Harus menyampaikan cerita dari Bani Israil dengan syarat-syarat:
 - a) bukan bohong, hendaklah berdasarkan fakta yang benar kerana Islam melarang bercakap bohong dan melarang pula menyandarkan sesuatu yang tidak benar kepada Rasulullah s.a.w.

b) tidak bercanggah dengan prinsip Islam seperti prinsip kemaksuman para anbiya'

- cerita kononnya nabi Daud pernah melihat seorang isteri pembesarnya mandi, lalu merasa ghairah terhadapnya sehingga dia mengirimitkan pembesar berkenaan ke medan perang agar terbunuh dalam peperangan untuk mengahwini isteri berkenaan adalah haram kerana bercanggah dengan kesucian para anbiya'.

c) bermanfaat dan menyumbang kepada kebaikan manusia bukan hanya untuk hiburan dan menyedapkan pendengaran

- cerita saiz kapal nabi Nuh, jenis binatang-binatang di dalam kapal berkenaan

- apakah sumbangan cerita berkenaan dalam pembangunan agama seorang Muslim?

d) sesuai dengan konteks dan keadaan

- larangan Rasulullah s.a.w menegur Umar r.a kerana membaca Injil yang mengandungi banyak Israiliyat berlaku di awal Islam ketika iman umat Islam masih belum lagi mantap
- larangan berubah sebagaimana dinyatakan dalam hadith.

e) menyatakan status Israiliyat agar ia tidak disalahtangap sebagai satu hadith.

5. Tidak perlu kisah-kisah Israiliyat untuk memahami agama
 - kalau bertemu dengan cerita-cerita yang menarik mengenai para anbiya', umat-umat dahulu dan perkara-perkara ghaib pastikanlah kesahihannya.

6. Dilarang menyampaikan cerita-cerita Israiliyat yang bercanggah dengan ajaran agama kecuali dinyatakan kedudukan cerita berkenaan dan untuk tujuan pengkajian dan bukan sebagai hujah.